



## **SIARAN AKHBAR JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

### **KES TANGKAPAN GERAKAN OPERASI DI KAWASAN LUMUT, KAMPONG KIANGGEH, KAMPONG SABA TENGAH DAN KAMPONG SELANGAN**

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang telah menjalankan empat gerakan operasi serta satu gerakan operasi sepadu di kawasan Lumut, Kuala Belait, Kampong Kianggeh, Kampong Saba Tengah dan Kampong Selangan.
2. Gerakan operasi pertama dijalankan pada hari Ahad, 24hb April 2022 di kawasan pondok perhentian bas Lumut, Daerah Belait dan JKED telah berjaya menahan dua orang lelaki warganegara Indonesia berumur 49 dan 54 tahun yang dipercayai terlibat dalam kegiatan aktiviti penjualan barang-barang tegahan kastam. Gerakan tersebut telah berjaya merampas sebanyak 6 katon dan 24 paket rokok pelbagai jenis serta wang tunai berjumlah BND\$7,515.00 dan RM5.00 yang dipercayai hasil dari penjualan barang tegahan Kastam.
3. Seterusnya, hasil gerakan operasi kedua dijalankan pada hari Selasa, 26hb April 2022 di kawasan semak berhampiran dengan pondok perhentian bas Lumut, Daerah Belait dan JKED telah berjaya merampas sebanyak 38 katon rokok pelbagai jenis.
4. Hasil gerakan operasi ketiga pada hari Rabu 27hb April 2022 di Kampong Kianggeh, JKED telah berjaya menahan seorang lelaki penduduk tetap berumur 60 tahun dan telah merampas sebanyak 25 tin minuman keras.
5. Pada hari yang sama, hasil gerakan operasi keempat di sebuah rumah di kawasan Kampong Saba Tengah telah berjaya menahan dua orang adik-beradik iaitu seorang lelaki dan perempuan warganegara tempatan masing-masing berumur 20 dan 22 tahun yang dipercayai memiliki dan terlibat dengan aktiviti penjualan barang-barang tegahan kastam. Hasil dari gerakan tersebut telah berjaya merampas sebanyak 60 katon, 163 paket dan 21 batang rokok pelbagai jenis dan 36 botol minuman keras pelbagai jenis. Selain itu, turut dirampas adalah sebanyak 47 kotak dan 4 paket mercun pelbagai jenis.
6. Gerakan operasi sepadu dilaksanakan pada hari Khamis, 28hb April 2022 bersama Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) bagi pemeriksaan sebuah rumah di kawasan Kampong Selangan Bokok, Temburong, JKED telah berjaya menahan seorang lelaki warganegara tempatan berumur 44 tahun. Hasil dari gerakan tersebut telah berjaya merampas sebanyak 275 botol minuman keras pelbagai jenis, 1 paket serta 8 batang rokok pelbagai jenis. Selain itu, turut dirampas adalah sebanyak 12 kg daging beku jenama Flanz.
7. Kesemua barang tegahan telah dirampas dan individu-individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Penguatkuasa Undang-Undang untuk siasatan lanjut.

8. JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan Negara yang berkuatkuasa pada masa ini dan menghindari dari melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan dan juga larangan tanpa sebarang kebenaran daripada agensi-agensi berkepentingan yang mengawal barang-barang tersebut. Memiliki barang-barang tegahan Kastam adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006 manakala memiliki barang sekatan tanpa kebenaran dan permit sah adalah satu kesalahan dibawah Seksyen 140 Perintah Kastam 2006.
9. JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti yang menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED. Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan Kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan Kastam dengan menghubungi JKED di talian utama JKED: 8714422/8721422 atau pejabat Kastam yang berdekatan. Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Tarikh: 1hb Mei 2022**

**RUJ KES KASTAM: ENF/PR/5/2022**

GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN  
GERAKAN OPERASI PERTAMA



GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN  
GERAKAN OPERASI KEDUA



GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN  
GERAKAN OPERASI KETIGA



GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN  
GERAKAN OPERASI KEEMPAT



**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN  
GERAKAN OPERASI SEPADU**

